

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, January 14, 2020 4:58 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: JHEP Tekad Realisasikan Aspirasi Universiti



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

14 JANUARI 2020 / 18 JAMADILAWAL 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Samsudin Oli Mohamed
Gambar oleh: Zunaida Bahadur

JHEP TEKAD REALISASIKAN ASPIRASI UNIVERSITI



UUM ONLINE: Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) berazam untuk merealisasikan aspirasi universiti yang diterajui Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Hendrik Lamsali berkata, staf di jabatan ini akan bekerja lebih keras dan kreatif bagi menghadapi cabaran era 2020 walaupun berhadapan dengan pelbagai kekangan dan kekurangan.

Menurutnya, dengan pelantikan penjawat baharu serta penubuhan pusat serta unit baharu yang diterajui staf berpengalaman diyakini mampu memperkukuhkan lagi jabatan ini, seterusnya mendepani cabaran yang mendatang.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penyerahan Tugas Penjawat Utama Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) dan Hal Ehwal Pelajar (HEP) di Pusat Budaya dan Seni, semalam.

Turut menerima surat lantikan adalah Timbalan Pengetua dan Penolong Pengetua Inapan Siswa (INASIS) serta Jawatankuasa Kecemerlangan HEPA.

Pada majlis sama, beliau turut mengumumkan penubuhan pusat dan unit baharu termasuk Pusat Kecemerlangan dan Kepimpinan Pelajar (Student Excellent and Leadership Centre (SELECT) dan Unit Pemantauan Prestasi dan Pelaksanaan (Performance and Delivery Unit (PADU) HEPA.

SELECT yang diketuai Mohd Ashari Yaakub berperanan untuk mengenalpasti dan melatih pelajar yang cemerlang dalam pelbagai aspek seperti pengucapan awam, debat dan keusahawanan untuk mewakili UUM dalam penyertaan peringkat negeri atau antarabangsa.

Manakala PADU ditubuhkan bagi memantau prestasi dan pelaksanaan pusat, Bahagian dan INASIS mengikut Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan dan ia berperanan sebagai pusat data HEPA yang menyediakan data dan statistik keseluruhan termasuk merancang dan memantau inisiatif baharu HEPA.

Terdahulu, Dr. Hendrik menyaksikan penyerahan tugas oleh mantan Pengarah dan Pengetua kepada penjawat baharu sebelum menyampaikan watak kepada Timbalan Pengetua dan Penolong Pengetua.

Lantikan baharu turut membabitkan Pengarah JHEP, Noor Azman Yusof; Dekan Hal Ehwal Pelajar Dr. Massudi Mahmuddin; Pengarah SELECT, Mohd Ashari Yaakub; Pengarah Bahagian Pembangunan Pelajar, Roslee Mardan; Pengarah Pusat Budaya dan Seni, Asmawiza Hussain; Pengurus Debat, Advokasi dan Oratori, Muhammad Hafiz Badarulzaman dan Pengarah ENACTUS, Fatin Athirah Fadzilah.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.